

**KESAN PENYEBARAN MAKLUMAT KESIHATAN TIDAK SAHIF:
SATU KAJIAN KES DALAM KALANGAN PENGGUNA MEDIA SOSIAL**

Nurin Qistina Mohd Hazrin^{*1}, Nurul Iman Syamimi Shamsuddin¹, Nurul Asyikin Azman¹, Nur Zulaikha Mohd Zamzuri¹ & Anis Nafisah Shukor¹

¹Fakulti Pengajian Pengurusan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka
78000 Alor Gajah, Melaka

* dziau646@uitm.edu.my (Corresponding Author)

DOI: <https://doi.org/10.24191/ejitu.v7i2.7352>

Abstrak**E-JITU**

Acceptance date:
15 August 2024

Valuation date:
22 September 2024

Publication date:
21 October 2024

Penyebaran maklumat palsu berkaitan kesihatan di media sosial semakin membimbangkan, terutamanya selepas pandemik COVID-19. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor penyumbang kepada penularan maklumat tidak sahif, kesan terhadap masyarakat, serta langkah-langkah yang boleh diambil bagi membendung gejala ini. Pendekatan kajian kes digunakan dengan melibatkan 50 responden terdiri daripada pelajar dan pensyarah UiTM Cawangan Melaka. Kaedah pengumpulan data dilakukan secara kuantitatif melalui borang soal selidik dalam talian, disokong dengan analisis kandungan dari sumber media dan laporan rasmi. Hasil kajian mendapati tiga punca utama penyebaran maklumat palsu ialah kurangnya literasi kesihatan, pengaruh individu berpengaruh (influencer), dan agenda peribadi pihak tidak bertanggungjawab. Implikasi penyebaran maklumat palsu termasuklah hilang kepercayaan terhadap institusi kesihatan, peningkatan rawatan tidak sahif, serta kesan terhadap kesejahteraan sosial dan ekonomi negara. Antara langkah yang dicadangkan ialah pendidikan literasi digital dan kesihatan, penguatkuasaan undang-undang secara lebih tegas, penubuhan pusat maklumat kesihatan rasmi yang mudah diakses, serta kempen kesedaran bersepadu oleh pihak kerajaan dan NGO. Kajian ini menekankan kepentingan kolaborasi antara masyarakat dan institusi bagi mengekang impak buruk maklumat tidak sahif terhadap kesihatan awam.

Kata kunci: Maklumat Palsu, Media Sosial, Kesihatan Awam, Literasi Digital, Strategi Pencegahan.

**THE IMPACT OF MISINFORMATION ON HEALTH: A CASE STUDY
AMONG SOCIAL MEDIA USERS**

Abstract

The spread of false health information on social media has become increasingly concerning, especially in the aftermath of the COVID-19 pandemic. This study aims to identify the contributing factors to the dissemination of misinformation, its impacts on society, and the measures that can be taken to curb this phenomenon. A case study approach was employed involving 50 respondents, consisting of students and lecturers from Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka Branch. Data collection was conducted quantitatively through an online questionnaire, supported by content analysis of media sources and official reports. The findings revealed three main causes of the spread of false information: a lack of health literacy, the influence of key opinion leaders (influencers), and the personal agendas of irresponsible parties. The implications of misinformation include a decline in public trust towards health institutions, the rise of unverified treatments, and adverse effects on the nation's social and economic well-being. Among the proposed measures are the implementation of digital and health literacy education, stricter enforcement of relevant laws, the establishment of accessible official health information centers, and integrated awareness campaigns by the government and non-governmental organizations (NGOs). This study highlights the importance of collaboration between communities and institutions in mitigating the harmful impact of health misinformation on public health.

Keywords: False Information, Social Media, Public Health, Digital Literacy, Preventive Strategies

PENGENALAN

Media sosial pada masa kini sudah menjadi sebahagian daripada kehidupan harian masyarakat. Rata - rata orang menggunakan platform seperti Facebook, Instagram, TikTok dan Twitter atau sekarang lebih dikenali sebagai X untuk mendapatkan maklumat, berkongsi berita, atau berhubung dengan orang lain. Namun, di sebalik kemudahan ini, ada juga masalah besar yang sering timbul, iaitu penyebaran maklumat palsu. Maklumat palsu ialah berita atau kandungan yang tidak benar tetapi disebarkan seolah-olah ia betul. Masalah ini semakin membimbangkan kerana ramai orang mudah percaya dan terus berkongsi tanpa memeriksa kesahihan maklumat tersebut.

Maklumat palsu boleh disebarkan dengan pelbagai tujuan, antaranya untuk menakutkan orang ramai, menimbulkan kekeliruan, mempengaruhi pandangan politik, atau untuk mendapatkan keuntungan peribadi. Menurut laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), pada tahun 2021 hampir 80% pengguna internet di Malaysia pernah terdedah kepada berita palsu. Ini menunjukkan betapa seriusnya isu ini, terutamanya apabila maklumat tersebut mudah disebarkan dalam masa yang singkat melalui media sosial.

Selain itu, kewujudan teknologi seperti deepfake dan kecerdasan buatan (AI) menjadikan maklumat palsu lebih sukar dikenalpasti. Video dan gambar boleh diubah suai dengan begitu mudah dan kelihatan sangat meyakinkan sehingga pengguna sukar untuk


membezakan mana yang benar dan mana yang palsu. Ramai pengguna media sosial tidak mempunyai kemahiran untuk menilai kesahihan sesuatu maklumat. Ini menyebabkan mereka mudah terpedaya dan secara tidak sengaja turut menyumbang kepada penyebaran maklumat yang salah.

Oleh itu, kajian kes ini akan membincangkan tentang isu maklumat palsu di media sosial dengan lebih mendalam. Kajian ini akan melihat apa faktor-faktor penyebaran maklumat palsu, impaknya terhadap masyarakat, dan juga langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan masalah ini. Diharapkan melalui kajian ini, masyarakat akan lebih sedar tentang bahaya maklumat palsu dan lebih berhati-hati dalam menerima dan menyebarkan sebarang maklumat di media sosial.

PERMASALAHAN KAJIAN

Adakah anda pernah menerima maklumat kesihatan yang palsu melalui media sosial?


50 responses



RAJAH 1

Dari mana biasanya anda mendapat maklumat berdasarkan kesihatan?

50 responses



RAJAH 2

Dalam era digital yang serba pantas hari ini, media sosial menjadi sumber utama untuk mendapatkan dan berkongsi maklumat. Namun, fenomena penyebaran maklumat palsu

melalui platform ini semakin membimbangkan. Buktinya, rajah 1 menunjukkan sebanyak 94% daripada 50 orang responden kajian telah mengakui bahawa mereka pernah menerima maklumat palsu berkaitan kesihatan dan berdasarkan rajah 2, 48% daripadanya menerima maklumat tersebut melalui platform media sosial. Baru-baru ini, Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil menyatakan bahawa terdapat gerakan tersusun yang dipercayai bertujuan menyebarkan maklumat palsu di media sosial bagi mengganggu keharmonian negara dan mencetuskan kebimbangan awam (Sinar Harian, 2024).

Berita palsu dalam aspek kesihatan mental seperti mitos mengenai rawatan kemurungan atau kaedah menguruskan tekanan emosi, boleh mengakibatkan salah faham yang serius dan menjejaskan kesejahteraan psikologi individu. Selain itu, maklumat palsu tentang kesihatan fizikal seperti rawatan alternatif yang tidak terbukti untuk penyakit kronik, boleh menjejaskan orang ramai membuat keputusan berisiko terhadap kesihatan mereka. Isu penyebaran maklumat palsu di media sosial dalam aspek kesihatan perlu diberi perhatian serius kerana memberi impak yang besar kepada kesejahteraan individu dan masyarakat.

SOROTAN LITERATUR

Penyebaran maklumat palsu berkaitan kesihatan di media sosial di Malaysia semakin membimbangkan, lebih - lebih lagi semenjak pandemik COVID-19. Berdasarkan laporan Kementerian Komunikasi dan Digital Malaysia, lebih daripada 500 kandungan tidak sahih berkaitan kesihatan telah dikenal pasti sepanjang tahun 2020 hingga 2022 di mana sebahagian besarnya melibatkan maklumat palsu berkaitan vaksin, rawatan alternatif serta teori konspirasi (KKD, 2022). Inisiatif seperti portal Sebenarnya.my telah dibangunkan oleh pihak berkuasa bagi menangani masalah penularan maklumat palsu, namun tahap literasi maklumat yang masih rendah dalam kalangan pengguna media sosial di Malaysia, sama ada di kawasan bandar mahupun luar bandar, menjadi antara cabaran utama dalam menangani isu ini.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Nasir et al. (2021), didapati bahawa media sosial seperti WhatsApp dan Facebook menjadi antara saluran utama penyebaran berita palsu berkaitan kesihatan dalam kalangan rakyat Malaysia. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa kebergantungan rakyat kepada maklumat tidak rasmi, kurangnya kemahiran dalam menilai sumber sesuatu maklumat, serta kecenderungan mempercayai individu tertentu seperti artis selebriti atau pengamal perubatan alternatif atau lebih dikenali sebagai bomoh telah menyumbang kepada kepercayaan terhadap maklumat yang tidak sahih. Perkara ini turut diperburuk oleh kecenderungan masyarakat untuk menyebarkan maklumat dengan niat yang hanya ingin membantu atau berkongsi dengan niat yang baik, walaupun tanpa menyemak kesahihan kandungan berita tersebut terlebih dahulu.

Dari sudut pandang falsafah, isu maklumat palsu ini dapat dihuraikan melalui kerangka etika deontologi dan utilitarianisme. Immanuel Kant menekankan betapa pentingnya kejujuran sebagai prinsip moral yang tidak boleh sewenang - wenangnya ditekpikan walau apa jua keadaan. Oleh itu, menyebarkan maklumat yang tidak sahih walaupun tanpa niat jahat tetap merupakan satu bentuk pelanggaran moral kerana ia menyimpang

daripada prinsip kebenaran dan tanggungjawab moral individu (Kant, 1785/2005). Selain itu, pendekatan utilitarian yang disuarakan oleh John Stuart Mill menyarankan bahawa tindakan yang benar ialah yang mendatangkan manfaat terbesar kepada majoriti. Maka, penyebaran maklumat palsu berkaitan kesihatan yang boleh memudaratkan masyarakat adalah tidak sejalan dengan prinsip utilitarian dan kesejahteraan sosial (Mill, 1863/2001).

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah cara, kaedah dan langkah yang digunakan untuk mencapai objektif kajian. Metodologi kajian dibuat bagi menjadikan sesuatu kajian itu menjadi lebih sistematik dan tersusun. Oleh itu, terdapat beberapa metodologi kajian yang kami gunakan untuk mendapatkan maklumat dan data-data tambahan dalam melaksanakan tugas ini.

Sumber Data dan Responden.

Seramai 50 orang responden yang terdiri daripada golongan belia dan dewasa dalam kalangan pelajar dan pensyarah di UiTM Kampus Bandaraya Melaka. Responden terdiri daripada pelbagai lingkungan umur dan kedua-dua jantina iaitu lelaki dan perempuan telah digunakan sebagai sampel dalam kajian ini. Sumber data yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada sumber internet dan kaji selidik secara atas talian iaitu menggunakan Google Form.

Rujukan Laman Sesawang.

Pada abad ke-21 ini, teknologi atau lebih dikenali lagi sebagai internet sudah tidak lagi asing kepada masyarakat di seluruh dunia ini. Laman sesawang yang telah ditubuhkan menjadi satu-satunya platform yang berguna untuk mencari maklumat kerana semuanya sudah berada di hujung jari. Maka dengan itu, bagi melaksanakan kajian ini, kami telah bersepakat untuk menggunakan laman sesawang sebagai rujukan utama bagi tujuan menambah baik lagi penulisan kami.

Faktor Permasalahan

Penyebaran maklumat palsu di media sosial merupakan isu kompleks yang dipengaruhi pelbagai faktor. Antara faktor utama yang dikenal pasti adalah kurangnya literasi kesihatan literasi media, niat jahat atau agenda tertentu dan motif kepentingan peribadi.

Faktor pertama yang dikenal pasti adalah kurangnya literasi kesihatan dalam kalangan pengguna. Ramai pengguna media sosial tidak mempunyai keupayaan untuk menilai kesahihan sumber maklumat tentang kesihatan, menyebabkan mereka mudah percaya maklumat tersebut dan menyebarkan maklumat yang tidak sahih. Berita palsu tentang “rawatan ajaib” untuk penyakit kronik seperti kanser tersebar luas kerana mangsa

terdesak mencari penyelesaian dalam masa yang singkat tanpa memahami kesan yang sebenar kepada kesihatan.

Faktor kedua adalah motif kepentingan peribadi, seperti keuntungan kewangan. Terdapat pihak mengambil kesempatan dengan menyebarkan maklumat palsu berkaitan produk kesihatan atau rawatan alternatif yang tidak berasaskan bukti saintifik dengan tujuan mempromosikan produk atau perkhidmatan mereka. Penyebaran testimoni pengguna dan terapi palsu tanpa kelayakan profesional boleh mengelirukan dan membahayakan pengguna. Malah, produk kesihatan seperti suplemen dan ubat pil yang tidak diiktiraf kerana mengandungi kandungan bahan yang berbahaya.


Faktor yang terakhir adalah penglibatan teknologi dan platform media sosial. Algoritma media sosial yang mengutamakan kandungan viral tanpa mengesahkan kebenarannya. Ini memperbesarkan lagi masalah khususnya dalam isu-isu kesihatan awam yang memerlukan pemahaman dan tindakan berdasarkan fakta yang sahih. Kebanyakan platform hanya mengambil tindakan setelah menerima laporan daripada pengguna tetapi maklumat palsu sudah tersebar luas dan sukar dibendung.

Faktor-faktor permasalahan yang dipertanyakan di atas menyumbangkan kepada penyebaran maklumat palsu dalam aspek kesihatan di media sosial secara berleluasa. Kesan daripada penyebaran ini sangat membimbangkan kerana menjejaskan individu dalam jangka masa panjang.

IMPAK

Apakah kesan utama maklumat palsu kesihatan kepada masyarakat?

50 responses



RAJAH 3

Berdasarkan rajah, 66% daripada 50 orang responden telah bersetuju bahawa penyebaran maklumat palsu dalam berkaitan kesihatan menyebabkan hilang kepercayaan kepada institusi kesihatan. Reputasi individu atau organisasi terjejas apabila menjadi mangsa kepada fitnah atau tuduhan palsu yang disebarkan secara meluas. Hal ini bukan sahaja dapat merosakkan nama baik dan imej, malah boleh menjejaskan peluang kerjaya dan kepercayaan masyarakat terhadap individu tersebut.

Di samping itu, penyebaran maklumat palsu di media sosial mampu menjejaskan keharmonian sosial kerana perkara boleh mencetuskan salah faham antara agama, kaum dan komuniti setempat. Oleh itu, masyarakat akan mempercayai maklumat palsu dan boleh membawa kepada perpecahan dan ketegangan yang boleh menjejaskan kestabilan negara.


Selain itu, maklumat yang tidak sahih boleh menjejaskan kesihatan individu. Sebagai contoh, gerakan anti vaksin yang menentang fakta saintifik iaitu vaksin yang menyelamatkan nyawa, telah mengambil peluang semasa pandemik Covid-19 untuk memperluaskan fahaman negatif, seperti vaksin hanya akan melemahkan antibodi manusia dan tidak menyembuhkan penyakit. Tindakan tidak bertanggungjawab tersebut menyebabkan segelintir pihak telah menolak nasihat pakar kesihatan serta protes terhadap vaksin mandatori dan kawalan pergerakan yang semakin meluas.

Akhir sekali, penyebaran maklumat palsu juga membawa kepada kerugian ekonomi negara apabila individu yang terpedaya membeli produk yang tidak berdaftar dan tidak berkesan seperti ubat herba atau terapi alternatif tanpa rujukan profesional perubatan. Hal ini begitu kerana pihak kerajaan perlu menanggung kos rawatan dan perubatan yang meningkat seperti infrastruktur kesihatan dan tenaga kerja yang lebih. Sebagai bukti, pada tahun 2023, pihak kerajaan telah meningkatkan peruntukan untuk sektor kesihatan daripada RM32.4 billion kepada RM36.3 billion bagi membantu rakyat pulih daripada kekangan ekonomi susulan pandemik.

SOLUSI

Apakah langkah yang anda rasa boleh diambil untuk mengurangkan penyebaran maklumat palsu?

50 responses



RAJAH 4

Antara inisiatif bagi menangani penyebaran maklumat palsu ialah merujuk kepada sumber rasmi dan pakar kesihatan. Hasil kajian soal selidik telah mendapati lebih 54% daripada 50 orang responden telah berpendapat bahawa langkah utama untuk membendung isu ini adalah dengan menyemak sebarang maklumat atau fakta yang diterima sebelum menyebarkan kepada orang lain. Dalam era digital yang dipenuhi

dengan pelbagai maklumat yang bercampur antara fakta dan rekaan, sumber rasmi seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan pakar perubatan bertauliah memainkan peranan penting sebagai rujukan utama yang boleh dipercayai. Jika timbul maklumat berkaitan rawatan kesihatan, pengguna media sosial sepatutnya menyemak dahulu dengan laman web rasmi KKM atau mendapatkan nasihat doktor sebelum mengambil sebarang tindakan. Melalui sumber ini, orang ramai dapat memperoleh maklumat yang telah disahkan dan disokong oleh kajian saintifik. Oleh itu, amalan merujuk kepada pakar dan sumber rasmi bukan sahaja dapat menghalang penyebaran berita palsu, tetapi juga mampu menyelamatkan nyawa dan melindungi masyarakat daripada maklumat yang menyesatkan.

Selain itu, pihak berkuasa perlu memperkukuhkan penguatkuasaan undang-undang secara telus dan tegas. Penggunaan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998), di bawah Seksyen 233 menyatakan bahawa individu yang menyebarkan maklumat palsu yang mengancam dan menyebabkan kemudaratan kepada orang lain akan dikenakan hukuman denda sehingga RM 50,000 dan maksimum 1 tahun penjara. Dengan itu, hukuman yang dikenakan hendaklah dilakukan secara adil dan tidak berat sebelah atau terdapat sebarang unsur rasuah untuk menyembunyikan kebenaran. Pendekatan ini dapat memberi pengajaran kepada orang ramai tentang padahnya menyebarkan maklumat palsu dengan lebih berkesan. Selaras dengan strategi membendung penyebaran maklumat palsu, pihak berkuasa boleh menyekat akaun media sosial yang terlibat dengan jenayah siber ini serta menetapkan had umur bagi pendaftaran akaun media sosial dalam kalangan kanak-kanak bawah umur dan golongan warga emas. Hal ini dikatakan demikian kerana dua golongan ini adalah golongan yang paling mudah terpengaruh dan mudah percaya dengan sebarang maklumat yang diterima tanpa menapis fakta sama ada sah atau tidak sah.

Seterusnya, kempen kesedaran memainkan peranan yang sangat penting dalam menangani isu penyebaran maklumat palsu berkaitan kesihatan di media sosial. Hal ini begitu kerana kolaborasi antara pihak kerajaan, NGO dan institusi kerajaan dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang bahayanya menyebarkan maklumat yang tidak sahih, terutama dalam isu sensitif yang melibatkan kesihatan awam. Oleh hal yang demikian, kempen ini boleh dilaksanakan dan diwar-warkan melalui pelbagai platform komunikasi seperti radio, televisyen, papan iklan dan media sosial serta melibatkan tokoh-tokoh berpengaruh dan pakar kesihatan untuk memberi sokongan menyertai kempen ini. Sebagai contoh, penggunaan slogan-slogan yang mudah difahami dan menarik seperti “Tak Pasti, Jangan Kongsi” dan melancarkan aplikasi ‘sebenarnya.my’ sebagai medium untuk orang ramai mendapatkan pengesahan sesuatu maklumat. Pendekatan ini dapat meningkatkan kepekaan masyarakat untuk menapis maklumat kesihatan sebelum berkongsi kepada orang lain.

Umum mengetahui bahawa teknologi semakin berkembang pesat dan mendapat tempat di persada dunia. Oleh itu, gerakan pendidikan kesihatan digital juga dapat membantu membanteras gejala penyebaran maklumat palsu dalam aspek kesihatan. Sebagai contoh, penggunaan aplikasi ‘My Sejahtera’ merupakan contoh yang jelas bagaimana teknologi digital dimanfaatkan untuk menambah baik sistem kesihatan negara. Aplikasi ini bukan

sahaja menyediakan saluran komunikasi dua hala antara pihak berkuasa kesihatan dan masyarakat, malah membolehkan kerajaan menyampaikan maklumat terkini dan berita berkaitan kesihatan awam secara pantas dan berpusat. Dalam masa yang sama, orang awam juga dapat mengisi maklumat kesihatan peribadi termasuk status vaksinasi serta melakukan daftar masuk ke premis bagi tujuan pengesanan kontak rapat. Menurut Tan Sri Dr Abu Bakar Suleiman, Pengerusi Kumpulan International Medical University (IMU), aplikasi ini kini sedang ditambah baik ke arah format baharu yang membolehkan ia berfungsi sebagai rekod kesihatan peribadi pengguna. Malah, terdapat potensi besar untuk ia digunakan dalam merancang pelan kesihatan peribadi pada masa akan datang.

DAPATAN KAJIAN DAN CADANGAN

Berdasarkan dapatan, terdapat individu kurang celik tentang teknologi dan maklumat. Golongan ini bukan sahaja merangkumi warga emas, tetapi juga individu dari kawasan luar bandar atau yang kurang pendidikan formal. Hal ini kerana, mereka kurang pendedahan, menjadikan mereka sukar membezakan antara sumber yang sahih dan tidak sahih, malah mereka juga tidak tahu cara untuk menilai kredibiliti sesuatu artikel seperti memeriksa tarikh penerbitan, latar belakang penulis atau kewujudan rujukan saintifik. Oleh itu, cadangan melatih sukarelawan atau belia setempat merupakan satu langkah strategik yang sangat berkesan dalam mengekang penyebaran maklumat palsu berkaitan kesihatan. Golongan belia biasanya lebih celik digital dan mempunyai akses yang luas kepada teknologi moden serta media sosial. Apabila dilatih dengan betul, para sukarelawan ini boleh menjadi “jambatan maklumat” antara pihak berkuasa kesihatan dengan komuniti yang sukar dicapai melalui saluran media tradisional.

Seterusnya, terdapat pengaruh individu terkenal atau "Influencer" di media sosial yang menyebarkan maklumat palsu berkaitan kesihatan yang tidak berasaskan bukti saintifik atau sokongan daripada pakar perubatan. Ramai dalam kalangan mereka memiliki jutaan pengikut yang mempercayai setiap perkongsian tanpa meneliti kesahihan maklumat yang dikemukakan. Lebih parah lagi, mereka sering menggunakan testimoni peribadi sebagai bukti keberkesanan produk dan ini memberi gambaran seolah-olah pengalaman individu lebih penting daripada fakta sains. Sikap tidak bertanggungjawab ini boleh menyebabkan pengikut mereka mengabaikan rawatan perubatan sebenar, malah ada yang sanggup menolak rawatan doktor kerana terlalu yakin dengan saranan selebriti idola mereka. Maka, cadangan penglibatan pakar kesihatan dalam menyampaikan maklumat sahih secara konsisten amat penting. Doktor, pakar perubatan dan ahli farmasi perlu diberi ruang yang lebih luas dalam media sosial untuk menjelaskan isu-isu kesihatan dan membetulkan sebarang kekeliruan yang timbul dalam kalangan masyarakat. Apabila masyarakat mendengar penerangan terus daripada individu yang berkeelayakan dan berautoriti, mereka akan lebih yakin dan kembali mempercayai institusi kesihatan negara.

Selain daripada itu, rawatan yang tidak tepat dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerana, individu lebih mempercayai maklumat yang tidak sahih berbanding nasihat profesional perubatan. Ramai yang cenderung mencuba rawatan alternatif yang belum terbukti secara

saintifik, seperti penggunaan herba berbahaya atau petua-petua dari sumber tidak bertaualiah. Natiujahnya, mereka tidak mendapat rawatan yang sesuai pada peringkat awal penyakit serta boleh menyebabkan komplikasi, kelewatan pemulihan atau dalam kes tertentu, kematian. Salah satu cadangan yang berkesan untuk membendung penyebaran maklumat palsu berkaitan kesihatan adalah dengan menubuhkan pusat informasi kesihatan dalam talian yang rasmi dan mesra pengguna. Portal ini perlu direka bentuk dengan mesra pengguna, iaitu menggunakan bahasa yang mudah difahami, mempunyai ciri carian pintar, infografik interaktif, video penerangan ringkas serta fungsi soal jawab (FAQ) berkaitan isu-isu kesihatan yang sering ditanya. Dengan adanya pusat maklumat ini, masyarakat tidak perlu lagi bergantung kepada maklumat rawak di media sosial yang tidak diketahui kesahihannya serta mendapat rawatan yang tepat.

RUMUSAN

Kajian kes ini telah mengulas isu penyebaran maklumat palsu di media sosial yang semakin membimbangkan, khususnya dalam aspek kesihatan. Hasil kajian kami menunjukkan bahawa majoriti pengguna media sosial pernah menerima maklumat yang tidak sahih terutamanya berkaitan rawatan penyakit dan vaksin. Dengan kurangnya literasi tentang kesihatan, pengaruh orang - orang terkenal serta motif mereka untuk mendapatkan keuntungan peribadi dikenal pasti sebagai antara faktor utama penyebaran maklumat palsu di media sosial. Tambahan pula, teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) menjadikan berita palsu lebih mudah tersebar dan sukar untuk dikesan kesahihannya.

Impak penyebaran maklumat palsu ini amat ketara. Bukan sahaja menghakis kepercayaan terhadap institusi kesihatan di Malaysia, malah turut menjejaskan keharmonian dalam kalangan masyarakat dan menyebabkan kerugian ekonomi negara. Ramai rakyat yang terpedaya dengan rawatan tidak bertaualiah seperti bomoh sehingga mengabaikan nasihat profesional dan menyebabkan komplikasi kesihatan yang serius. Hal ini juga menyebabkan kerajaan menanggung beban kos kesihatan yang lebih tinggi untuk rawatan lanjutan kepada mangsa yang terpedaya.

Sebagai solusi, kajian ini mencadangkan agar masyarakat sentiasa merujuk kepada sumber rasmi seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan World Health Organization (WHO) sebelum berkongsi sebarang maklumat. Pihak berkuasa pula perlu memperketat undang - undang terhadap penyebar maklumat palsu di media sosial. Pihak berkuasa juga boleh mempeluaskan kempen kesedaran dengan melibatkan pakar perubatan yang terkenal. Selain itu, penubuhan pusat informasi kesihatan dalam talian yang mesra pengguna juga disarankan bagi memastikan masyarakat memperoleh maklumat yang lebih tepat dan juga sahih. Kajian ini mengharapkan dapat membuka mata masyarakat untuk lebih berwaspada serta memainkan peranan aktif dalam menangani gejala penyebaran maklumat palsu demi kesejahteraan bersama.

RUJUKAN

- Berita Harian. (2022, April 11). Masyarakat mesti membudayakan amalan 'tak pasti, jangan kongsi'. <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/04/944534/masyarakat-mesti-membudayakan-amalan-tak-pasti-jangan-kongsi>
- Berita Harian. (2023, Februari 24). Peruntukan sektor kesihatan cukup untuk membantu rakyat APM. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1068886/peruntukan-sektor-kesihatan-cukup-untuk-membantu-rakyat-aphm>
- Berita Harian. (2023, Januari 1). Pantau, urus pesakit dengan kesihatan digital. https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/sihat/2023/01/1046426/pantau-urus-pesakit-dengan-kesihatan-digital#google_vignette
- Berita RTM. (2025, Januari 19). Gerakan anti vaksin berkembang jadi ancaman global – Pakar. <https://berita.rtm.gov.my/dunia/senarai-berita-dunia/senarai-artikel/gerakan-antivaksin-berkembang-jadi-ancaman-global-pakar>
- Kant, I. (2005). Groundwork for the metaphysics of morals (T. K. Abbott, Trans.). Dover Publications. (Original work published 1785)
- Kementerian Komunikasi dan Digital. (2022). Laporan penularan maklumat tidak sahih berkaitan COVID-19 di Malaysia. Kementerian Komunikasi dan Digital.
- Malaysian Communications and Multimedia Commission. (2021). Internet users survey 2021. <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/Internet-Users-Survey-2021.pdf>
- Mill, J. S. (2001). Utilitarianism (G. Sher, Ed.). Hackett Publishing Company. (Original work published 1863)
- Nasir, N. M., Halim, A. A., & Azmi, N. J. (2021). Fake news and misinformation on health: A case study during COVID-19 in Malaysia. *Malaysian Journal of Media Studies*, 23(2), 1–15.
- Portal Rasmi Kementerian Komunikasi. (2023, Oktober 2). Akta 588 cukup hukum penyebar berita palsu vaksin. <https://www.komunikasi.gov.my/awam/berita/20331-akta-588-cukup-hukum-penyebarkan-berita-palsu-vaksin>
- Wardle, C., & Derakhshan, H. (2021). Understanding information disorder. First Draft. <https://firstdraftnews.org/long-form-article/understanding-information-disorder/>
- World Economic Forum. (2020, August 17). Fake news and the spread of misinformation. <https://www.weforum.org/agenda/2020/08/fake-news-social-media/>
- Zarocostas, J. (2020). How to fight an infodemic. *The Lancet*, 395(10225), 676. [https://doi.org/10.1016/S0140-6736\(20\)30461-X](https://doi.org/10.1016/S0140-6736(20)30461-X)